

SRM tingkat keyakinan diri

Sekretariat Rakan Muda bantu Muhammad Akram tambah pengalaman, ilmu



Oleh Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Bantahan daripada keluarga pada peringkat awal pembabitan Muhammad Akram Hanafi, 22, dalam Sekretariat Rakan Muda (SRM) tidak pernah melunturkan semangatnya untuk terus bergiat aktif dalam pelbagai program yang dianjurkan pihak Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau yang juga penuntut tahun dua Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris UPM, berkata keluarganya menghalang kerana khuatir kegiatannya dalam SRM akan mengganggu masa belajarnya, sekali gus

menjejaskan prestasi pelajarannya.

“Disebabkan minat yang terlalu tinggi terhadap program kemasyarakatan seperti kerja amal dan aktiviti sosial bersama masyarakat, saya bertekad untuk terus menyertai program ini dan berjaya membuktikan kepada keluarga yang ia tidak sedikit pun menjejaskan pelajaran saya.

“Sebelum terbabit dalam SRM, saya adalah seorang yang pendiam dan sukar untuk bergaul kerana kurang keyakinan diri tetapi selepas menyertai SRM, keyakinannya untuk bergaul dengan rakan-rakan sebaya semakin meningkat,” katanya kepada pemberita pada Program Pengukuhan Rakan Muda IPT 2012 anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Beliau juga berasakan SRM banyak membantu mengikis sikap pendiam dan suka menyendiri di samping memudahkan pergaulan serta

membuka minda kepada masyarakat sekeliling selain perkembangan semasa.

Muhammad Akram berkata, SRM banyak menganjurkan kegiatan kemasyarakatan dan daripada program seumpamanya, beliau dapat meluaskan pemikiran dan pergaulan.

“Pembabitan saya dalam SRM bukan saja meluaskan pemikiran dan pergaulan, malah saya dapat menambah ilmu pengetahuan melalui kegiatan yang saya sertai dalam SRM.

“Melalui kegiatan yang dianjurkan, saya dapat bertukar-tukar pendapat dengan rakan yang turut menyertainya, sekali gus dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi saya.

“Masih banyak perkara dalam kehidupan ini belum saya terokai dan ketahui. Jadi, dengan terbabit dalam SRM, saya dapat menimba banyak pengalaman dan pengeta-

PROFIL

- Jawatan sekarang: Timbalan Presiden Sekretariat Rakan Muda (SRM), Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Asal: Kelantan
- Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris, Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Pembabitan dalam bidang lain: Majlis Tertinggi Kolej Pendeta Za'ba (Exco Kebudayaan), Ekspedisi Trans Titiwangsa, Ekspedisi mendaki Gunung Yong Yap.



Muhammad Akram Hanafi

syarah, ia tidak pernah menghalang beliau untuk meneruskan minatnya menyertai sekretariat itu.

Anak ketiga daripada lima adik beradik itu juga yakin perubahan positif pada dirinya sekali gus mengakhiri bantahan daripada keluarga dan sebaliknya membuatkan mereka lebih mempercayai bahawa pembabitan aktif dalam SRM mampu membawa perubahan serta memberi kesan yang positif kepada dirinya.

huan saya juga bertambah luas bukan saja dari aspek ilmiah, malah lebih daripada itu,” katanya yang juga memegang jawatan Timbalan Presiden SRM di UPM.

Katanya walaupun sibuk dengan jadual kuliah yang padat serta lambakan tugas yang diberikan pen-